

FSKM UiTM lahirkan bakat untuk transformasi digital

Kebolehpasaran graduan tahap 81 peratus dalam semua sektor

Shah Alam: Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) fokus kepada pembangunan bakat dan bidang teknologi baharu, digital serta kejuruteraan perisian, terutama dalam melahirkan graduan ICT yang holistik.

Bermula pada 1966, FSKM dikenali sebagai Sekolah Sains Aktuari, Statistik, Matematik, Ekonometris dan Cybernetics (AS-MEC) yang hanya menawarkan dua program pada ketika itu.

Kini, FSKM menawarkan 20 program Diploma dan Sarjana Muda serta 23 program Pasca Siswazah, manakala kebolehpasaran graduan berada pada tahap 81 peratus dalam semua sektor.

Dekannya, Prof Ts Dr Haryani Haron, berkata FSKM komited dalam transformasi digital, objek rangkaian internet (IoT), kepintaran buatan (AI), analitik data raya, pemrosesan imej, perisian, sistem komunikasi mudah alih, keselamatan siber, simulasi serta integrasi sistem digital dalam pembelajaran dan pengajaran.

"Pensyarah FSKM pula menerima pelbagai pengiktirafan dengan pensijilan profesional daripada pelopor industri seperti Oracle, Cisco, Rapidminer, Amazon Web Service (AWS), SAS, Tableau serta Alibaba," katanya.

Beliau berkata, kecemerlangan kurikulum FSKM turut diperkukuhkan dengan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa seperti daripada Institute and Faculty of Actuaries (IFoA), United Kingdom bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari dan program lain diiktiraf oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Selain itu, pembangunan bakat



Kecemerlangan kurikulum FSKM turut diperkukuhkan dengan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa.

Prof Ts Dr Haryani Haron,
Dekan FSKM

digital FSKM digarap melangkaui sesi pembelajaran formal dengan galakan menerusi penyertaan pertandingan berprestij pada peringkat tertinggi dengan bimbingan dan sokongan pensyarah pakar FSKM.

Sebagai contoh, kejayaan dua kumpulan pelajar FSKM yang mewakili Malaysia ke peringkat ASEAN pada Pertandingan AWS Build On ASEAN 2020 selepas mencapai tempat kedua dan ketiga dengan menewaskan 18 pasukan lain pada peringkat kebangsaan.

Pertandingan ini mencabar kebolehan pelajar mengadaptasi teknologi pengkomputeran awan oleh AWS dalam idea perniagaan.

Pasukan dan pelajar yang terabit adalah pasukan TinggiTech (Iman Irfan Hisshamudin, Khai-runuqman Zainal 'Abidin, Muhammad Faris Sufyan Suhaimi dan Muaz Wazir) serta pasukan Adalace (Nurin Miza Afiah Andrie Dazlee, Nik Izyan Fatini Musri @ Isa, Nabila Huda I'sa, Vellarie June Jeffrey Lungin dan Nurul Husna Hanim A Rahman-hamim).

"Dalam bidang keselamatan siber pula, pasukan Hojen terdiri daripada Muhammad Ali Akbar Radzali, Muhammad Awis Qirani Zamani dan Muhammad Idham Idris muncul juara kebangsaan pada pertandingan berprestij, APU Battle of Hackers; Capture The Flag (CTF), menewaskan 44

kumpulan lain," katanya. Beliau menambah, kemahiran pelajar dalam bidang analitik data turut terbukti apabila FSKM menjuarai DOSM Virtual Datathon 2020 (DvD2020) anjuran Jabatan Statistik Malaysia.

Pasukan Futurist FSKM terdiri daripada lima pelajar, iaitu Mohamad Ameer Imran Mohd Noor, Muhammad Afiq Halek, Azwan Faiz Lim Muhammad Razwan Lim, Nur Farah Najihah Salehin dan Nur Aina Najihah Alias. Mereka menewaskan 57 kumpulan daripada 11 institusi pengajian tinggi yang lain.

Sementara itu, Nurin Miza Afiah Andre Dazle dan Amirul Ashraf Ahmad Zaidi terpilih mewakili Malaysia pada program MOHE-Huawei Seeds of the Future 2020 Program.

Nurin Miza Afiah turut dinobatkan sebagai Top 10 Young Talent di Monsta Awards menewaskan 440 peserta dari seluruh Malaysia.

Pelajar FSKM juga terpilih mengikuti program berprestij Maybank Ambassador Programme dalam kalangan 431 calon daripada 16 universiti berbeza.

Pelajar berkenaan turut menerima anugerah pada akhir program, iaitu Merit Award Third Place (Nurfarahin Zainuddin), Merit Award Seventh Place (Ezzah Mardhiah Abd Manab) dan Positivity Queen Award (Nurul Azreen Ismail).

Haryani berkata, dengan mengutamakan pembudayaan inova-

si dan kreativiti dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0, FSKM sudah menginovasikan satu aplikasi mudah alih 'KitaFSKM'.

Aplikasi ini dibangunkan sekumpulan pensyarah FSKM, Dr Muhammad Izzad Ramli, Dr Maslina Abd Aziz dan Muhammad Azizi Mohd Ariffin untuk kegunaan pelajar, pensyarah serta kakitangan pentadbiran sebagai platform komunikasi.

FSKM menekankan pembangunan bakat digital holistik, bukan sahaja dari aspek kemahiran teknologi malah, merangkumi aspek kemasyarakatan.

Ledakan penggunaan internet ketika pandemik COVID-19 menjadi pemangkin kepada pelajar FSKM untuk menyantuni komuniti menerusi program Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM) secara dalam talian.

Program SULAM ini adalah inisiatif memberi kesedaran mengenai etika penggunaan internet dan keselamatan e-dagang kepada pelajar sekolah rendah, menengah seterusnya kepada komuniti yang berada di sekitar Cyberjaya, Johor dan Shah Alam.

FSKM juga telah melahirkan ramai graduan yang berjaya seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan Penganas Financial Genius Group & Investment Expert, Datuk Seri Mahadi Badrul Zaman; Pengarah Eksekutif Kumpulan, The Petra Group yang juga mantan Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDEC) dan Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad



Mahadi Badrul Zaman




Badlisham Ghazali



Hamad Kama Piah Che Othman

(MAHB), Datuk Badlisham Ghazali.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan Bukan Bebas-Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, UMW Holdings Berhad yang juga mantan Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman dan Pengerusi Air Asia Group Bhd yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Tune Group, Datuk Kamarudin Meranun adalah juga graduan FSKM.



Pembelajaran dan pengajaran di Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM diselia tenaga pakar.

Rakan Strategik Industri

1. Fusionex International
2. Persatuan Takaful Malaysia
3. Persatuan Kebangsaan Autism Malaysia (NASOM)
4. Gravity Corporation Ltd, Japan
5. Jabatan Statistik Malaysia
6. Fomema Malaysia
7. Malaysian Consortium for Education Mauritius
8. ISACA's/AE Cybersecurity NexusT (CSX)
9. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
10. Huawei Malaysia
11. Cisco Academy
12. Intel Academy
13. Oracle Academy
14. Alibaba.com

Rakan Strategik Institusi Pendidikan Antarabangsa

1. Saythabama Institute of Science&Technology, India
2. University of Kent, UK
3. Samarkhand State University, Uzbekistan
4. National University of Uzbekistan
5. Universitas Islam Nahdlatul Ulama Jepara, Indonesia
6. Universiti Komputer Indonesia (UNIKOM)
7. University of Birmingham, UK
8. Japan Advanced Institute of Technology (JAIST)
9. Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia
10. Universitas Gadjja Mada, Indonesia
11. Universitas Sriwijaya, Indonesia
12. International Information Technology University, Kazakhstan